

# Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 5

## BAB 6

Peristiwa 13 Mei 1969 perlu diperingati agar kita dapat muhasabah diri dan memastikan peristiwa ini tidak berulang. Peristiwa tersebut menjadi pengajaran kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa sikap tidak prihatin terhadap soal perkauman berpotensi mencetuskan keadaan huru-hara yang tidak menguntungkan sesiapa, malah menjelaskan kedaulatan negara di mata dunia.

Sebagai warganegara yang cinta akan negara, kita mesti menghindari isu-isu sensitif yang boleh membangkitkan ketegangan antara kaum dalam negara kerana hal ini boleh merosakkan kerukunan hidup masyarakat kita yang berbilang kaum dan membantutkan kemajuan negara.

Generasi hari ini perlu menghargai persefahaman, pengorbanan dan tolak ansur antara kaum di negara ini yang telah menjadi asas penting penggubalan Perlembagaan Persekutuan dan pencapaian kemerdekaan negara kita pada tahun 1957.

Justeru, menjadi tanggungjawab kita untuk terus mempertahankan persefahaman ini yang telah dipersetujui oleh pejuang kemerdekaan seperti, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan.

Semua pihak perlu menghormati peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang kedaulatan raja Melayu, agama Islam, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa kaum Melayu, kelompok asal Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum yang lain.

Kita mesti mempertahankan kemerdekaan dan jambatan perpaduan yang dibina dengan cara mematuhi Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya, kita juga perlu menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara. Hal ini dapat menyumbang ke arah pembinaan sebuah negara bersatu padu dan harmoni.

Seperkara lagi yang sangat penting ialah semangat hormat-menghormati antara satu sama lain. Sekiranya kita ada semangat ini dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita, saya rasa banyak insiden yang tidak diingini boleh dielakkan, seterusnya hidup dalam keadaan damai.

Pihak kerajaan pula, perlu mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang membangkitkan sentimen perkauman seperti menggunakan Akta Hasutan dalam usaha mengekang tindakan provokatif yang boleh menjelaskan keharmonian negara.

Semua rakyat seharusnya belajar daripada sejarah lalu dan memahami realiti masa ini untuk merancang kemajuan masa hadapan yang lebih gemilang.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 8 markah)*